

Wakil2 Rakyat diminta

penuhi tanggungjawab

BH 23 JUL 1983

BH 23 JUL 1983

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak menerima aduan mengenai tanggungjawab wakil-wakil rakyat yang tidak memuaskan dan mengingatkan mereka supaya membetulkan keadaan itu.

Perdana Menteri berkata, beliau banyak menerima aduan dari orang ramai bahawa setengah-setengah Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak menjalankan tugas di kawasan masing-masing.

Perdana Menteri juga mahukan mereka supaya memahami dasar baru kerajaan dan memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada rakyat setiap perkembangan terbaru mengenainya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika mengadakan tiga perjumpaan berasingan dengan hampir semua Ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri dan Senator dari Umno serta Barisan Nasional di sini, hari ini.

Perjumpaan itu diadakan hasil keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi BN untuk membolehkan setiap wakil rakyat memahami idea dan dasar baru kerajaan.

Dengan cara ini, rakyat akan memahami setiap pembaharuan yang dilaksanakan dan memberikan garis panduan kepada mereka.

Setiausaha Kerja

BN/Umno, Encik Kamarulzaman Bahadun, berkata bahawa Perdana Menteri mahukan supaya setiap wakil rakyat menjalankan tugas mereka untuk memenuhi harapan rakyat.

Mereka juga diminta menunaikan setiap janji yang telah diucapkan kepada rakyat.

Di samping itu, mereka diminta bekerja kuat sejajar dengan pentadbiran kerajaan sekarang.

Encik Kamarulzaman berkata, ketika perjumpaan dengan wakil-wakil dari Umno, Datuk Seri Dr Mahathir menggariskan langkah yang harus mereka lakukan demi memenuhi hasrat rakyat.

Rakyat haruslah diberi penerangan sejelas-jelasnya mengenai perkembangan terbaru di negara ini, termasuk ke-
melesetan ekonomi negara kesan dari keadaan ekonomi dunia.

Persediaan

Ketika mengadakan rundungan dengan Ahli Parlimen, Dewan Undang Negeri dan Senator BN, Perdana Menteri menjelaskan dasar-dasar baru "pandang ke Timur", pengswastasaan dan persyarikatan Malaysia.

Dasar-dasar ini perlu dijelaskan kerana masih ada mereka yang keliru dengan idea baru yang dikemukakan oleh Per-

dana Menteri sejak mengambil alih pemerintahan kerajaan.

Dalam mesyuaratnya dengan Ahli Parlimen dan Senator, beliau menjelaskan beberapa perkara sebagai persediaan menghadapi persidangan Parlimen akan datang, termasuk mengenai kawasan baru pilihanraya.

Encik Kamarulzaman berkata, dalam ketiga-tiga perjumpaan itu, Perdana Menteri juga mendengar pandangan dan soalan-soalan yang dikemukakan serta memberi penjelasan.

Katanya, ada juga cadangan supaya pertemuan seperti itu diadakan dari masa ke masa.